

**Tajuk : Cadangan Mengenakan Kompaun Terhadap Kesalahan Undang-Undang Syariah**

---

Kategori: **Sosial/Syariah**

Tahun: **2008**

Status Pewartaan: **N/A**

Negeri: **N/A**

---

**Keputusan :** Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-84 yang bersidang pada 15 Disember 2008 telah membincangkan Cadangan Mengenakan Kompaun Terhadap Kesalahan Undang-Undang Syariah. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Cadangan mengenakan kompaun terhadap umat Islam yang melakukan kesalahan dalam undang-undang Syariah kurang memberi kesan dan keinsafan terhadap diri pesalah-pesalah kerana kesalahan yang dilakukan boleh dibayar dengan wang sahaja.
2. Oleh itu, sebagai satu kaedah kaunseling untuk memberi nasihat dan kesedaran kepada pesalah-pesalah, Muzakarah memutuskan supaya cadangan mengenakan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan undangundang Syariah di dalam kes-kestakzir yang terpilih tidak dilaksanakan kerana tindakan mahkamah yang sedang berkuat kuasa diyakini mampu menanganinya.



[Klik disini untuk mencetak](#)